

23 JUN 1999

Isa-Tanah

TANAH PAJAKAN MESTI DIUSAHAKAN SEGERA

SEREMBAN, 23 Jun (Bernama) -- Mereka yang diberikan tanah secara pajakan di Negeri Sembilan untuk tujuan pertanian dan penternakan perlu segera mengusahakannya, kata Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad hari ini.

Katanya ada di antara mereka yang telah menerima tanah seperti itu masih berlengah-lengah dan belum menjalankan usaha pertanian atau penternakan dengan kadar segera.

Walaupun tempoh pemberian tanah adalah lebih lama secara pajakan, namun mereka tidak harus leka atau tidak mengusahakannya sebaik sahaja menerimanya, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negeri perlu menukar kaedah pemberian tanah secara sementara (TOL) kepada pajakan untuk penanam sayur bagi menjayakan projek pertanian secara besar-besaran.

Mohd Isa berkata kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan pemberian tanah secara pajakan untuk tujuan pertanian dan penternakan kerana melalui sistem pajakan, tempoh pemilikan adalah lebih panjang yang membolehkan petani atau penternak terbabit merancang projek mereka.

Sebagai contoh, katanya, pemberian tanah secara pajakan telah diberikan untuk tanaman buah-buahan di kawasan seluas 200 hektar di Glami Lemi di Jelebu.

Ketika ditanya mengenai pengakuan dan permohonan maaf bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengakui beliau (Zahid) telah diperalat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membangkitkan isu nepotisme dan kronisme pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas, Mohd Isa yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata permohonan maaf itu wajar diterima oleh semua anggota Umno.

Yang penting Zahid telah mengakui kesilapannya dan memohon maaf, kata Mohd Isa.

-- BERNAMA

AZ NMO